

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [  
BATU KAWAN ]**

**SOALAN NO. 203**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik kes rogol, cubaan rogol, cabul, dan gangguan seksual di setiap sekolah, universiti awam dan swasta di Malaysia, serta apakah dasar dan prosedur operasi piawai untuk menangani kes-kes apabila berlaku pada warga sekolah dan kampus.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu berkenaan keselamatan murid di sekolah. KPM telah menghasilkan manual Sekolah Selamat yang menggariskan langkah-langkah dan tatacara yang perlu diikuti sekiranya berlaku sebarang bentuk gangguan yang boleh mengancam keselamatan murid termasuk gangguan seksual. Sebagai contoh, murid yang mengalami gangguan seksual perlu melaporkan kepada Unit Pembimbing Rakan Sebaya, guru, kaunselor, pentadbir atau sesiapa sahaja yang dipercayai untuk tindakan seterusnya. Bagi murid yang bukan mangsa tetapi menerima atau mengetahui terdapat kes gangguan seksual, maka laporan kepada guru, kaunselor atau pentadbir perlu dilakukan.

Guru, kaunselor, pentadbir atau sesiapa sahaja yang menerima aduan perlu merahsiakan identiti murid. Seterusnya murid akan dirujuk

## **NO. SOALAN: 203**

kepada kaunselor untuk mengenal pasti kesahihan kes tersebut dengan menyoal mangsa untuk mengenal pasti pengganggu sebelum dimaklumkan kepada ibu bapa dan melakukan pemeriksaan doktor (jika perlu). Tindakan disiplin akan diambil jika melibatkan murid sekolah, manakala laporan polis akan dibuat jika kes berat dan melibatkan orang luar.

Manakala di peringkat pengajian tinggi pula, berdasarkan maklumat daripada pihak IPT, kes rogol, cubaan rogol, cabul, dan gangguan seksual isu pelajar IPT berada di dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, KPM tidak memandang ringan perkara ini dan sentiasa melaksanakan tindakan proaktif dan preventif bagi memastikan penularannya dapat dibendung di IPT.

Di IPTS, kawalan disiplin pelajar tertakluk di bawah Seksyen 46 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) yang menyatakan dengan jelas tanggungjawab Ketua Eksekutif berkenaan Disiplin dan Tatakelakuan pelajar di sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Adalah menjadi kewajipan Ketua Eksekutif untuk melaksanakan penyeliaan am terhadap pengurusan, pengawasan dan menjaga kebajikan pelajar dengan penuh komitmen termasuklah tindakan disiplin atau tindakan tatatertib ke atas pelajar di IPTS.

Kementerian memandang serius kes pelanggaran tatatertib oleh mahasiswa di IPTS. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Ketua Eksekutif IPTS untuk mengambil tindakan sewajarnya kepada mahasiswa yang terlibat dengan pelanggaran tatatertib selaras dengan peraturan institusi dan peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Seksyen 33, 46 dan 47 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan dan Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM atau Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memastikan peruntukan Akta 555 dan undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa dipatuhi.

## NO. SOALAN: 203

Bagi memastikan keselamatan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam terjamin dan selamat, beberapa inisiatif yang dilakukan dalam menghindari perkara ini berlaku :

1. Penglibatan semua pihak di UA termasuklah mengadakan taklimat, ceramah, dialog, forum dan roadshow kesedaran mengenai keselamatan diri;
2. Meningkatkan sesi keterlibatan (engagement) bersama PDRM bagi memastikan konsep omnipresence dirasai oleh pelajar dan mereka berasa selamat ketika berada di dalam kawasan IPT;
3. Memberi perhatian serius terhadap isu-isu semasa terutama yang melibatkan isu seksual serta menyalurkan maklumat mengenainya kepada pelajar IPT;
4. Pemantauan dan penguatkuasaan disiplin pelajar di peringkat fakulti dan kolej kediaman secara berterusan melalui kerjasama diantara Jawatankuasa Pengarah Keselamatan Universiti Awam (JPKUA) dan Majlis Pengetua Kolej Kediaman;
5. Kerjasama di IPT melalui Majlis Kesihatan dan Keselamatan Universiti-Universiti Malaysia (MAKESUM) serta Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-Universiti Malaysia (MAKUMA) dalam merangka program membendung dan membanteras keterlibatan ius-  
isu seksual dalam kalangan pelajar IPT; dan
6. Sesi perkongsian pada Minggu Aluan Siswa di mana setiap pelajar diberi penerangan mengenai isu keselamatan diri ketika berada di dalam kampus.

## NO. SOALAN: 203

KPM menaruh harapan yang tinggi agar segala pendekatan yang telah / akan dilaksanakan ini dapat membina jati diri dan kekuatan diri pelajar IPT seterusnya mampu membendung mereka daripada terjebak dengan kes-kes melibatkan keselamatan ini.

Berikut merupakan statistik kes kejadian rogol, cabul dan gangguan seksual mengikut tempat kejadian di sekolah, universiti awam dan universiti swasta yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2016 hingga 2018.

TEMPAT KEJADIAN	KES									JUMLAH KES MENGIKUT TAHUN		
	ROGOL			CABUL			GANGGUAN SEKSUAL					
TAHUN	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018
SEKOLAH	6	5	9	9	28	5	0	0	3	15	33	17
UNIVERSITI AWAM	0	0	0	0	0	8	0	1	1	0	1	9
UNIVERSITI SWASTA	0	1	0	0	1	4	2	2	0	2	4	4

Berdasarkan maklumat daripada pihak PDRM juga, siasatan oleh pihak polis akan dibuat setelah laporan awal diperolehi daripada pengadu atau pihak lain dan akan diteruskan sehingga mendapat keputusan daripada Timbalan Pendakwaraya.

RT23/203

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**SOALAN NO. 204**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta  
**MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) bilangan kes keganasan rumah tangga, rogol, kesalahan seksual, penderaan kanak-kanak yang diterima oleh Pusat Khidmat Sehenti (OSC) atau Jabatan Kecemasan di hospital Kerajaan di seluruh negara mengikut pecahan negeri, umur, gender, dan hubungan dengan pelaku serta ; dan
- b) bilangan dan peratusan daripada jumlah bilangan kes tersebut yang dilaporkan kepada pihak polis dan kadar dakwaan bagi kes-kes tersebut.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menawarkan perkhidmatan One Stop Crisis Center (OSCC) di Jabatan Kecemasan di semua hospital Kerajaan di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 130 buah hospital yang mempunyai perkhidmatan OSCC. Data-data bagi kes-kes keganasan dan penderaan seperti rogol, liwat, penderaan kanak-kanak dan kes keganasan rumah tangga dikumpul secara manual daripada OSCC.

Statistik yang terkini pada tahun 2018 yang melibatkan kanak-kanak dan remaja berumur 0 hingga 19 tahun, sebanyak 3,258 kes dilaporkan melibatkan penderaan seksual (2,040 kes), fizikal (1,153 kes) dan psikologikal (65 kes). Daripada jumlah penderaan seksual, sebanyak 1,419 kes adalah kes rogol, 518 kes adalah kes cabul dan 103 kes adalah kes liwat. Pecahan kes mengikut umur yang dilaporkan mendapati, bagi umur 0 hingga 9 tahun, jumlah kes penderaan yang dilaporkan adalah 1,176 kes dan daripada jumlah ini kes penderaan fizikal adalah tertinggi (649 kes). Manakala, bagi umur 10 hingga 17 tahun, jumlah penderaan adalah 1,886 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi (1,433 kes). Bagi umur 18 hingga 19 tahun, jumlah penderaan adalah sebanyak 196 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi iaitu 128 kes. Bagi hubungan dengan pelaku, penderaan dalam kumpulan umur 0 hingga 9 tahun majoriti dilakukan oleh ibu bapa kandung manakala bagi umur 10 hingga 19 tahun pula majoriti pelaku adalah teman lelaki/teman wanita.

Bagi penderaan fizikal, kes yang dilaporkan adalah lebih tinggi bagi jantina lelaki manakala bagi penderaan seksual dan psikologi, jantina perempuan adalah lebih tinggi. Negeri yang melaporkan kes penderaan tertinggi adalah Johor (626 kes), Sabah (577 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (440 kes).

Sekian, terima kasih.